

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktobre/November 1989

SAW200 - Teori Sosial I

Masa: [2 jam]

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A, SATU soalan di Bahagian B dan DUA soalan di Bahagian C.

Bahagian A

Soalan-Soalan Objektif [30 Markah]

Jawab SEMUA soalan dengan menggunakan tanda (X). Gunakan kertas jawapan yang dilampirkan.

1. Comte, Spencer dan Marx berpendapat bahawa masyarakat tersusun mengikut Hukum-Hukum Semulajadi. (Natural Laws)
 - (a) Benar
 - (b) Salah

2. Siapa di bawah menkelasifikasikan dua jenis masyarakat.
 - (a) Durkheim
 - (b) Spencer
 - (c) Tonnies
 - (d) Semua di atas adalah benar
 - (e) (a) dan (b) sahaja benar

...2/-

3. Bagi Durkheim, jenayah dan penyelewengan adalah berfungsi untuk masyarakat kerana melalui tingkahlaku tersebut norma-norma kumpulan dikekalkan.
- (a) Benar
(b) Salah
4. Perpaduan mekanikal (Mechanical Solidarity) adalah sifat masyarakat perindustrian, menurut Weber.
- (a) Benar
(b) Salah
5. "Kuasa Sosial" berasaskan pemikiran kolektif (collective thought). Ini adalah pandangan:
- (a) Marx
(b) Durkheim
(c) Spencer
(d) Comte
(e) Weber
6. Menurut Parsons, dalam sistem sosial, fungsi:
- (a) penyesuaian (Adaptation) dihubung dengan sistem ekonomi
(b) pencapaian matlamat (goal attainment) dihubung dengan sistem politik
(c) semua di atas adalah benar
(d) semua diatas adalah salah

... 3/-

7. Smelser telah mengguna teori Tonnies untuk menganalisis proses perubahan Revolusi Perindustriani.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
8. Seperti Spencer, Tonnies telah membahagikan sosiologi kepada dua aspek: Dinamis dan Statik.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
9. Menurut Tonnies kehendak rasional (Rational Will) mencirikan masyarakat:
 - (a) Gemeinschaft
 - (b) Gesellschaft
10. Menurut Veblen dan Pareto, evolusi masyarakat melalui tahap-tahap tertentu sentiasa membawa masalah baru dan konflik.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
11. Sosiologi Max Weber menegaskan tafsiran dan kefahaman kegiatan sosial (social action) serta maksud subjektif (subjective meanings).
 - (a) Benar
 - (b) Salah
12. Bagi Marx nilai masyarakat menentukan struktur sosial.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

13. Menurut Mead, diri sosial (social self) melibatkan:

- (a) Saya (I)
- (b) Aku (Me)
- (c) Kita (us)
- (d) Semua di atas adalah benar
- (e) (a) dan (b) sahaja benar

14. Mengikut Mead, realiti sosial sentiasa direkabentuk dan diubah melalui kreativiti dan dinamis ahli masyarakat dalam interaksi.

- (a) Benar
- (b) Salah

15. Matlamat ideologi Marx ialah untuk mengubah semula masyarakat dari keadaan terasing (alienated) kepada keadaan semulajadi (natural).

- (a) Benar
- (b) Salah

16. Menurut Park, susunan semulajadi (natural order) wujud melalui perjuangan dan persaingan.

- (a) Benar
- (b) Salah

17. Menurut Pareto, kelas elit Singa (Lions) merupakan elit-elit "agama dan militari"

- (a) Benar
- (b) Salah

...5/-

18. Peranan manusia menentukan masa hadapannya adalah minima dalam sistem pemikiran Sorokin.

- (a) Benar
- (b) Salah

19. Menurut Ibn Khaldun, faktor-faktor psikologi sosial seperti kepimpinan (leadership) dan personaliti tidak penting dalam kajian struktur sosial.

- (a) Benar
- (b) Salah

20. _____ menegaskan hubungan di antara fakta-fakta sosial supaya susunan sosial dapat difahami.

- (a) Weber
- (b) Spencer
- (c) Durkheim
- (d) Comte
- (e) Marx

21. Kedua-dua Comte dan Marx mengatakan bahawa masyarakat berubah secara evolusi melalui tahap-tahap tertentu.

- (a) Benar
- (b) Salah

22. Teori evolusi yang dimaksudkan oleh _____ termasuk tiga tahap iaitu "keidean (ideational)", "perasaan (sensate)", "keunggulan (idealistic)".

- (a) Spencer
- (b) Sorokin
- (c) Parsons
- (d) Weber
- (e) Comte

...6/-

23. Apabila masyarakat dipandang sebagai satu organisme, segala tumpuan akan diberi kepada individu-individu yang menanggotai masyarakat itu.
- (a) Benar
(b) Salah
24. Dalam sesuatu teori, sebab musabab (causality) dijelaskan melalui kesan-kesan angkubah tidak bersandar (independent variable) atas angkubah bersandar (dependent variable)
- (a) Benar
(b) Salah
25. Menurut teori tukaran sosial (Social Exchange Theory) keupayaan seseorang ahli masyarakat untuk menghasilkan tingkahlaku yang dikehendaki dari orang lain berdasarkan:-
- (a) Kewibawaan
(b) Paksaan
(c) Kesahihan (legitimasi)
(d) Kuasa
(e) Sumber
26. Dalam perspektif "interaksi simbolik" (Symbolic Interaction) istilah diri (self) mencerminkan ide bahawa manusia boleh dijadikan objek sesuatu tindakan yang dijalankan.
- (a) Benar
(b) Salah
27. "Darwinisme Sosial" menegaskan ide kemajuan melalui perjuangan dengan menghapuskan individu yang lemah.
- (a) Benar
(b) Salah

...7/-

28. "Dalam sesebuah masyarakat, satu mekanisme akan wujud supaya ahli-ahlinya dapat diagih kepada kedudukan sosial yang tertentu dan akan digalakkan untuk menjalankan tugas-tugasnya mengikut jawatan yang ditetapkan". Nyatakan paradigme yang sesuai.
- (a) Fungsionalisme kestrukturran
(b) Interaksi simbolik
(c) Pertukaran sosial
(d) Konflik sosial
29. Menurut pendekatan fungsionalisme kestrukturran manusia berhak untuk hidup bersendiri dan bukan sebagai sebahagian dari sistem sosial keseluruhannya.
- (a) Benar
(b) Salah
30. Siapakah yang menegaskan teknologi sebagai punca perubahan sosial?
- (a) Marx
(b) Ogburn
(c) Hegel
(d) Durkheim
(e) Comte

Bahagian B

Jawab **SATU** soalan sahaja. [30 markah]

1. Jelaskan 3 konsep di bawah. Untuk setiap konsep tersebut huraikan konteks teoritis di mana konsep tersebut telah wujud dan digunakan. Bandingkan erti dan maksud konsep tersebut dalam bidang Antropologi/Sosiologi semasa.
 - (a) Kelas Sosial
 - (b) Konflik Sosial
 - (c) Masyarakat Perindustrian
 - (d) Suicide 'Anomik'
 - (e) 'Gemeinschaft'
 - (f) Birokrasi
 - (g) 'Sentiment' (Perasaan)
 - (h) Cultural lag
 - (i) Kontrak Sosial

2. Pilih satu masalah sosial semasa. Huraikan sejauhmana masalah sosial ini mempengaruhi kehidupan sosial. Pilih satu teori sosiologikal yang sesuai untuk menejelaskan finomena tersebut. Huraikan andaian paradigme teori pilihan anda.

3. Apakah yang dimaksudkan "pemikiran sosial". Secara lengkap bincangkan satu sistem pemikiran sosial yang anda telah teliti dalam kursus ini.

Bahagian C

Jawab DUA soalan sahaja. [40 markah]

1. Huraikan bagaimana masalah susunan dan perubahan sosial (The Problem of Social Order and Social Change) dijelaskan oleh dua ahli teoritis di bawah.
 - (a) Comte
 - (b) Spencer
 - (c) Durkheim
 - (d) Weber
 - (e) Ibn Khaldun

2. Marx dikenali sebagai ahli teori Konflik. Apakah maksud gelaran tersebut. Huraikan bagaimana Marx menjelaskan susunan dan berubahansosial melalui konflik.

3. Apakah paradigme pertukaran sosial. Pilih seorang ahli teoritis yang mengamalkan paradigme tersebut dan huraikan teori-teori utamanya.

4. "Mengapakah sebahagian dari ahli masyarakat mempunyai kekayaan, kuasa dan status sosial yang berlebihan dari ahli masyarakat yang lain?". Tunjukkan bagaimana seorang fungsionalis akan menjawab soalan tersebut. Anda juga diminta menunjukkan andaian-andaian asas dan teori-teori utama untuk melengkapkan jawapan anda.